



24

# UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

*National University of Malaysia*

✓Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld IX  
Tarikh : 17 November 2009

## PEKELILING BENDAHARI BIL 19/2009

Semua Dekan/Pengarah/Ketua  
Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### BANTUAN BENCANA SUMATERA BARAT

#### 1. TUJUAN

Tujuan Pekeling ini ialah menyelaras dan menyalurkan bantuan yang sesuai kepada mangsa bencana gempa bumi di Sumatera Barat baru-baru ini.

#### 2. LATARBELAKANG

- 2.1 Pada 30 Oktober 2009, Sumatera Barat khususnya Padang, Pariaman, Agam dan Pasaman dilanda gempa bumi besar pada kekuatan 7.6 skala richter. Gempa bumi tersebut telah mengorbankan lebih 1000 nyawa, memusnahkan struktur tanah dan harta benda yang bernilai berbilion RM ;
- 2.2 Setelah kira-kira satu bulan tragedi berkenaan berlaku, bantuan daripada pelbagai pihak masih datang dan diperlukan lagi membantu meringan beban mangsa dan memulih kehidupan tempat yang dilanda bencana tersebut ;
- 2.3 Atas nama kemanusiaan sejagat dan tanggungjawab insan, UKM telah menggerakkan Tabung Bantuan Bencana Sumatera Barat bermula 9 Oktober 2009. UKM juga telah memberi bantuan dan meminta Ikatan Keluarga Mahasiswa Minang (IKMM) UKM mengadakan survei keadaan kerosakan akibat gempa bumi tersebut dan mengesorkan bantuan yang bersesuaian untuk disalurkan kepada mangsa secara langsung ;
- 2.4 UKM telah mengaturkan pembentangan laporan IKMM pada 20 Oktober 2009 dan turut dihadiri pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) seta pihak Rumah Anak-anak Yatim Taman Baiduri ;

2.5 UKM juga telah menubuhkan sebuah jawatankuasa *ad hoc* yang dinamakan Jawatankuasa Bantuan Bencana Sumatera Barat dipengerusikan Prof. Dato' Dr. Mohamad Abdul Razak, Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni) UKM yang akan merancang, menentu dan menguruskan bantuan UKM kepada mangsa bencana tersebut dalam masa yang terdekat.

### 3. BENTUK BANTUAN

3.1 Bantuan akan disalurkan dalam bentuk:


- i. kewangan;
- ii. barang;
- iii. pakaian;
- iv. perlindungan;
- v. ubat-ubatan;

3.2 Memandangkan misi ini perlu digerakkan segera, maka dijangkakan selewat-lewatnya pada hujung minggu pertama Disember bantuan awal UKM-LZS dapat disalurkan.

### 4. KAEADAH SUMBANGAN

Sehubungan itu sumbangan derma bolehlah dibuat secara tunai, cek atau melalui potongan gaji bulan Disember ini. Bersama ini dilampirkan Borang Sumbangan yang perlu diisi dan dikemukakan kepada Bendahari UKM untuk tindakan selanjutnya.

Yang benar,

  
MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k

- ~ Naib Canselor
- ~ Timbalan – Timbalan Naib Canselor
- ~ Pendaftar
- ~ Ketua, Unit Audit Dalam
- ~ Ketua Bahagian Kewangan, Kakitangan Jabatan Bendahari

Ketua Bahagian Kewangan Kakitangan  
Jabatan Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tuan,

**BANTUAN BENCANA SUMATERA BARAT**

Dengan hormatnya saya, \_\_\_\_\_

No. UKM (Per) \_\_\_\_\_ bersetuju memberi sumbangan ikhlas sebanyak  
RM \_\_\_\_\_ dalam bentuk:

tunai

cek No.\_\_\_\_\_

potongan gaji bulan Disember 2009

Sekian, terima Kasih.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama :

Tarikh: